

29 AUG 2000

Mahathir-Umat

MAHATHIR MINTA PEGAWAI AGAMA TINGKATKAN PENJELASAN TENTANG ISLAM

PUTRAJAYA, 29 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu pegawai yang menjaga hal ehwal Islam di negara ini mempertingkatkan lagi usaha memberi penjelasan kepada umat Islam tentang perkara yang didapati bercanggah dengan agama termasuk yang dibawa oleh pembangkang.

"Apabila mereka mendengar sesuatu yang tidak baik yang bertentangan dengan ajaran Islam, mereka patutlah dengan sendiri memberi penjelasan bahawa itu tidak benar.

"Saya puas hati (dengan peranan mereka) tapi ia boleh tingkatkan lagi," katanya apabila ditanya sama ada beliau berpuas hati dengan peranan yang dimainkan pegawai terbabit dalam membantu kerajaan menangkis tohmahan bertopengkan agama yang dibuat oleh pembangkang.

Dr Mahathir berkata demikian pada sidang media selepas mengadakan pertemuan secara tertutup selama tiga jam dengan lebih 500 pegawai hal ehwal Islam dari seluruh negara di Masjid Putra, di sini.

Beliau berkata walaupun pilihan raya sudah diadakan, pembangkang masih meneruskan ceramah politik mereka yang mempunyai unsur fitnah serta menyalahgunakan tafsiran Al-Quran.

Perdana Menteri berkata pada pertemuan hari ini, beliau telah memberi penjelasan mengenai langkah yang diambil kerajaan dalam mengembangkan ajaran Islam di Malaysia dengan mengambil kira faktor perpaduan dan peningkatan ilmu di kalangan umat Islam supaya mereka bersedia menghadapi cabaran.

"Kita lebih utamakan perpaduan di kalangan orang Islam dan juga menguatkan mereka dan menambah ilmu mereka.

"Kita berpendapat bahawa cara-cara ganas tak tentu hala, pergi lempar bom sana sini, itu bukan mendatangkan apa-apa manfaat kepada orang Islam tetapi sebaliknya menjadikan mereka sasaran bagi musuh-musuh Islam yang berkata orang Islam ini adalah pengganas," katanya.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman memberitahu pemberita kemudian bahawa selain menyentuh pelaksanaan agama dan langkah memperkukuhkan umat Islam, Dr Mahathir turut meminta pegawai agama berperanan lebih cergas di kampung-kampung.

"Ini kerana di kalangan orang Islam di kampung hari ini, perbincangannya bukan mengenai kecekapan pengurusan dan usaha memperkuatkan ummah dan negara.

"Sebaliknya, mereka dileka-lekakan dengan hal-hal seperti siapa yang layak masuk syurga, Kalau itu saja yang dibincangkan maka kita akan lemah dan tidak berdaya menghadapi apa-apa cabaran," katanya.

-- BERNAMA

MAM ZS NMO